

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RPK 421 - LANDSKAP

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Jawab **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)

1. Analisis Kesesuaian Tanah dan Penilaian Landskap adalah dua kaedah yang diguna pakai oleh Ian Mc Harg dalam menilai kesesuaian sesuatu pembangunan. Bincangkan dua kaedah tersebut secara terperinci dengan mengambil kira contoh-contoh projek pembangunan yang dibincang oleh Ian McHarg dalam buku 'Design With Nature'.

(20 markah)

2. Tumbuhan hiasan adalah merupakan elemen penting dalam rekabentuk landskap.
 - a) Bincangkan lima fungsi tumbuhan dalam rekabentuk landskap.
 - b) Nyatakan 10 spesis tumbuhan hiasan di Malaysia yang dapat memenuhi kriteria bau-bauan yang wangi.
 - c) Nyatakan 10 spesis tanaman hiasan di Malaysia yang dapat memenuhi kriteria warna-warna yang menarik.
 - d) Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan Sistem Tatanama Binomial.

(20 markah)

...2/-

3. Bincangkan konsep/istilah yang diperkenalkan dalam seni bina landskap. Jawapan anda mestilah disertai dengan lakaran-lakaran dan dapat mengaitkan dengan sejarah konsep/istilah tersebut diperkenalkan.

- a) Ha-ha
- b) Moat
- c) Topiary
- d) Polis
- e) Acropolis
- f) Aquaduct
- g) Piazza
- h) Meidan
- i) Atrium
- j) Grotto

(20 markah)

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

Jawab **DUA** soalan sahaja.

4. "Transparent Overlay Techniques" merupakan kaedah yang boleh digunakan dalam perancangan landskap.

- a) Huraikan bagaimana kaedah tersebut dijalankan?
- b) Nyatakan kaedah-kaedah lain yang boleh digunapakai untuk menggantikan kaedah di atas.
- c) Bincangkan kebaikan dan keburukan kaedah-kaedah yang anda nyatakan?

(20 markah)

5. Terdapat empat peringkat perubahan sikap manusia terhadap alam sekitar. Bincangkan empat peringkat tersebut menurut teori yang diperkenalkan oleh Gutkind.

(20 markah)

6. Sejarah perkembangan senitaman bermula dari zaman purba lagi. Bincangkan evolusi perkembangan senitaman bermula dari zaman tersebut hinggalah kepada senitaman sekarang.

(20 markah)

7. Teori Tingkahlaku boleh dijadikan asas dalam rekabentuk landskap. Bincangkan bagaimana teori tersebut dapat membantu anda dalam membuat keputusan dan rekabentuk landskap?

(20 markah)

8. (a) Huraikan Pelan-Pelan Pembangunan Landskap
- (b) Bincangkan maklumat yang perlu dimasukkan dalam spesifikasi landskap.

(20 markah)

-ooo00ooo-

